

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN
BIN YAHAYA**

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah pandangan atau pendirian DBKL terhadap cadangan MIROS (*Malaysian Institute of Road Safety Research*) untuk melaksanakan had laju kenderaan dengan kelajuan 30kmj hingga 50kmj di kawasan-kawasan terpilih mengikuti jejak langkah Bandaraya Paris yang mewartakan had laju tersebut pada Ogos 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berpandangan bahawa cadangan MIROS (*Malaysian Institute of Road Safety Research*) pada akhir Disember 2021 untuk melaksanakan had laju kenderaan dengan kelajuan 30km/j hingga 50km/j di Pusat Bandar Kuala Lumpur ini merupakan cadangan yang baik kerana ianya meningkatkan lagi ciri-ciri keselamatan pengguna jalan raya yang lain seperti penunggang basikal dan pejalan kaki.

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan yang dikemukakan oleh MIROS ini masih dalam perincian serta penelitian oleh pihak MIROS. Berdasarkan perancangan, kertas cadangan akan dibentangkan kepada DBKL pada April 2022. Kemudian, pengumpulan data dan analisis akan dibuat dan dijangka kajian ini akan selesai pada September 2022.

Kawasan yang terlibat dalam kajian MIROS ini adalah bagi kawasan-kawasan yang mempunyai had kelajuan 60km/j dan 40km/j. Manakala jalan-jalan yang telah diwartakan had kelajuan 70km/j dan 80km/j tidak termasuk dalam skop kajian penurunan had laju oleh MIROS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN
BIN YAHAYA**
TARIKH : 22 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa banyak peruntukan yang telah digunakan untuk Jabatan Lanskap dan Rekreasi, DBKL bagi tujuan penghiasan menggunakan pokok-pokok semusim dan sejauh manakah keberkesanan penggunaan pokok semusim ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, perbelanjaan untuk kerja-kerja penghiasan pokok semusim sehingga kini berjumlah sebanyak RM3.9 juta dalam tempoh 1 tahun 6 bulan. Pokok semusim di tanam di kawasan-kawasan strategik seperti kawasan tumpuan pelancong, jalan-jalan protokol dan taman-taman awam.

Tujuan utama penggunaan pokok semusim adalah sebagai hiasan landskap di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Dirgahayu Bandaraya Kuala Lumpur. Hiasan-hiasan pokok semusim juga digunakan untuk sempena sambutan festival-festival seperti Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sambutan Hari Kemerdekaan dan Sambutan Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Penggunaan pokok semusim ini sesuai kerana ia memberi impak segera terhadap bunga-bungaan di persekitaran strategik yang boleh bertahan selama sebulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN
BIN YAHAYA**

TARIKH : 23 MAC 2022 (RABU)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah-langkah yangtelah dan akan diambil untuk menangani isu belanjawan defisit DBKL kerana dari tahun 2018 dengan anggaran hampir RM2 billion telah ditanggung oleh rizab DBKL hingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator,

Belanjawan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengalami defisit pada tahun 2019, 2021 dan 2022. Belanjawan defisit ini berlaku kerana tekanan kewangan yang disebabkan pengurangan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. DBKL juga telah memberi beberapa insentif kepada warga kota yang terkesan disebabkan pandemik Covid-19 demi kesejahteraan warga kota walaupun pemberian insentif tersebut telah mengurangkan hasil DBKL.

Di antara insentif yang diberikan kepada warga kota Wilayah Persekutuan yang terkesan dengan pandemik Covid-19 seperti:

1. Pemberian insentif kepada peniaga dan penjaja WPKL;
2. Insentif kepada penduduk PPR/PA DBKL;
3. Bantuan kepada gelandangan;
4. Bantuan elauan kepada petugas barisan hadapan;
5. Pembatalan denda lewat cukai taksiran kepada pemilik premis di WPKL.

Sumber pendapatan utama DBKL adalah hasil taksiran dan dijangkakan apabila ekonomi bertambah baik, pendapatan melalui cukai taksiran dan caj pembangunan akan turut meningkat.

Ketika ini sumber pendapatan melalui pembayaran sewa hampir mencecah RM100juta. Dengan pembinaan perumahan *Council Home* akan meningkatkan lagi pendapatan sewa.

NO SOALAN: 6

DBKL juga mendapatkan peruntukan yang besar daripada Kementerian Kewangan untuk peruntukan mengurus dan pembangunan. Sebagai contoh, Kerajaan pusat pernah memberikan peruntukan mengurus B32 yang tinggi pada 2014 berjumlah RM130juta dan semakin berkurangan setiap tahun dimana tiada peruntukan diterima pada 2019 dan hanya menerima RM2juta pada tahun 2021.

Pada masa ini, DBKL terpaksa menggunakan rizab untuk menampung kekurangan peruntukan yang diterima oleh kerana tekanan ekonomi dan juga sumbangan Kerajaan Persekutuan.

DBKL sentiasa melaksanakan perbelanjaan berhemah dan *value for money* dengan meneruskan projek-projek yang mengutamakan kesejahteraan warga kota. Usaha-usaha untuk meningkatkan kutipan hasil terus dilaksanakan bagi menanganibelanjawan defisit di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L
TUN SAMY VELLU**
TARIKH : 23 MAC 2022 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah pemimpin masyarakat berbangsa India di Wilayah Persekutuan yang telah dilantik sebagai penggerusi majlis perwakilan penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator **Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu**, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) ditubuhkan dengan objektif melaksana, menyelaras dan memantau pembangunan komuniti dan kesejahteraan bandar di Wilayah Persekutuan sehingga ke peringkat akar umbi. Ahli-ahli MPPWP dilantik dan dianggotai oleh individu-individu yang berpengaruh di suatu kawasan dari kalangan wakil persatuan penduduk, *Joint Management Body (JMB)* / *Management Corporation (MC)*, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), persatuan belia dan persatuan sukan, persatuan berasaskan aktiviti ekonomi, Jawatankuasa Masjid atau keagamaan serta kakitangan Kerajaan.

Sehingga 1 Mac 2022, seramai 1,483 orang ahli MPPWP di 13 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan telah dilantik bagi sesi 2022 merangkumi 1,276 orang ahli di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 88 orang ahli di Wilayah Persekutuan Labuan dan 119 orang ahli di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Daripada jumlah tersebut seramai 105 orang (7%) ahli pemimpin masyarakat adalah berbangsa India.

Komposisi keahlian MPPWP mengambilkira pecahan kaum dalam masyarakat setempat di kawasan Parlimen berkaitan. Ini bagi memastikan isu dan permasalahan masyarakat berbilang kaum di setiap Parlimen mendapat perhatian sewajarnya. Penyertaan ahli pemimpin masyarakat berbangsa India dalam Jawatankuasa MPPWP membolehkan aktiviti dan program MPPWP yang dilaksanakan merentas semua kaum di komuniti setempat seperti sambutan Deepavali dan Pesta Pongal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN
BIN YAHAYA**
TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bagaimanakah sesuatu projek pembangunan boleh diberi perintah pembangunan beserta dengan nisbah plot yang tinggi di atas tapak yang kecil, di mana ianya bercanggah dengan Pelan Pembangunan Kuala Lumpur 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL2020) telah diwartakan pada Oktober 2018. Mengikut pernyataan dalam PBRKL 2020 semua pembangunan hendaklah mematuhi ketetapan dalam pelan tersebut. Ianya termasuk kegunaan tanah dan intensiti pembangunan.

Sehubungan dengan itu, permohonan kebenaran perancangan selepas PBRKL 2020 diwartakan hanya akan diluluskan setelah mematuhi ketetapan PBRKL 2020 serta mematuhi kehendak-kehendak perancangan dan keperluan-keperluan teknikal.

Untuk makluman YB Senator, kelulusan sesuatu projek pembangunan bukan hanya berdasarkan kepada saiz tapak tetapi berdasarkan kepada faktor kesesuaian lokasi, keadaan fizikal tapak, aksesibiliti, keupayaan infrastruktur dan utiliti, ketersediaan kemudahan masyarakat serta keselarasan dengan kawasan sekitar.

Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020) telah menetapkan semua plot tanah di Kuala Lumpur dengan zon guna tanah dan intensiti pembangunan. Oleh itu, kegunaan dan intensiti pembangunan yang dibenarkan hendaklah mematuhi ketetapan dalam pelan warta tersebut bagi setiap lot tanah tanpa mengira saiz.

Walau bagaimanapun, Seksyen 17 Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267) memberi kuasa kepada Datuk Bandar untuk membuat perubahan, penambahan, penyemakan, pemansuhan atau penggantian terhadap pelan tempatan.

Pelaksanaan perubahan pelan tempatan adalah seperti mana peruntukan Seksyen 13 (penyediaan draf pelan tempatan), Seksyen 14 (publisiti berkenaan dengan draf pelan tempatan), Seksyen 15 (penyiasatan dan perbicaraan berkenaan dengan draf pelan tempatan) dan Seksyen 16 (Penerimaan draf pelan tempatan) Akta 267.

NO SOALAN: 7

Oleh yang demikian sekiranya terdapat cadangan pembangunan yang tidak selaras dengan ketetapan dalam pelan warta tetapi bersesuaian untuk dipertimbangkan, Datuk Bandar boleh melaksanakan proses perubahan kepada pelan tempatan tersebut.

Walau bagaimanapun, ingin saya tegaskan di sini bahawa kelulusan perintah pembangunan hanya boleh dikeluarkan setelah proses perubahan kepada pelan tempatan tersebut selesai dilaksanakan dan dipertimbangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Perbadanan Putrajaya bagi mengatasi keluhan penduduk yang tinggal di PPAM dengan memberikan pengurangan kepada kadar cukai pintu dan taksiran serta kos penyelenggara PPAM tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pengenaan kadar ke atas semua pegangan yang boleh dikenakan kadar di Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah berasaskan kepada peruntukan Seksyen 127, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam membantu mengurangkan cukai taksiran bagi penduduk yang mendiami Kediaman Mampu Milik di Putrajaya adalah seperti berikut:

1. Melalui pengurangan kadar peratusan nilaiann tahunan harta sebanyak 8% kepada 5%. Ini menjadikan jumlah taksiran menurun sebanyak hampir 34% daripada RM365 kepada RM240 setahun.
2. Melalui penurunan kadar sewa yang dikenakan bagi kediaman Mampu Milik daripada RM11.00 smp diturunkan kepada RM9.00 smp sahaja.
3. PPj juga telah membuat pengecualian caj lewat bayar kepada semua pemegang harta bagi premis di Putrajaya sejak tahun 2020-2021.

Kos Penyenggaraan

Dibawah seksyen 25(3) Akta 757 Penentuan kadar jumlah caj yang kena dibayar bagi skim strata yang telah tertubuhnya badan pengurusan bersama hendaklah ditentukan oleh badan pengurusan bersama (JMB) dari semasa ke semasa melalui Mesyuarat Agung Tahunan.

Sebagai contoh, Mesyuarat Agung Tahunan PPAM Larai telah menurunkan caj penyenggaraan iaitu dari RM1.48 kepada RM1.00 bermula tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN
BIN YAHAYA**
TARIKH : 28 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Perbadanan Putrajaya bercadang untuk melanjutkan pengurangan sewa premis sebanyak 50 peratus ke atas premis perniagaan miliknya pada tahun 2022, memandangkan ramai peniaga kecil yang masih terkesan akibat pandemik COVID-19 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga yang telah dilancarkan pada 15 April 2020 bagi memudahkan warga kota menjalankan aktiviti perniagaan sebagai usaha membantu golongan yang terkesan akibat penularan Pandemik COVID-19. Inisiatif ini telah dilanjutkan sehingga Jun 2022 yang juga melibatkan pengecualian Lesen Penjaja Kecil Sementara (PKS).

Perbadanan Putrajaya (PPj) sentiasa menyokong inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan untuk membantu peniaga kecil dan sememangnya berhasrat untuk **melanjutkan diskaun 50% sewa sehingga bulan Jun 2022 iaitu selaras dengan tempoh perlanjutan inisiatif Wilayah Bebas Berniaga tersebut.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN
BIN YAHAYA**
TARIKH : 28 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan DBKL terhadap pemegang lesen tapak Pasar Borong Selayang yang telah menyewakan lesenya kepada warga tempatan, warga asing atau secara tidak sah mewariskan lesen tersebut kepada anaknya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, di dalam Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Pasar (WPKL) 2016 dan UUK Pasar Borong Kuala Lumpur (WPKL) 2002, bukan warganegara tidak dibenarkan untuk bekerja atau bermiaga mahupun selaku pemegang lesen di dalam Pasar atau Pusat Penjaja milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Selaras dengan syarat lesen juga, pemegang lesen perlu sentiasa berada ditapak perniagaan setiap masa. DBKL akan mengambil tindakan tegas kepada mana-mana pemegang lesen yang meingkari syarat lesen iaitu dengan menyewakan lesennya kepada warga asing atau secara tidak sah mewariskan lesen tersebut kepada anaknya. Tindakan yang diambil adalah mengenakan kompaun serta pengeluaran Surat Tunjuk Sebab (STS) atau Notis Membaiaki Kemungkiran (NMK) kepada pemegang lesen yang boleh menyebabkan tindakan pembatalan lesen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI BASHIR BIN HAJI ALIAS
TARIKH : 28 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI BASHIR BIN HAJI ALIAS minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bagaimanakah mekanisme yang direncanakan oleh pihak Kementerian dalam menangani masalah kemiskinan di Labuan terutamanya miskin bandar ekoran kenaikan kos sara hidup yang semakin tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi Perbadanan Labuan (PL) sentiasa memberi perhatian khusus dalam merancang dan melaksanakan program serta aktiviti yang mampu memberi manfaat kepada semua warga Wilayah Persekutuan (WP) Labuan terutamanya dalam tempoh pemulihan ekonomi fasa Covid-19.

Kebajikan warga WP Labuan khususnya golongan miskin tegar, miskin dan B40 akan terus menjadi keutamaan kementerian khususnya dalam menangani masalah miskin bandar ekoran kenaikan kos sara hidup yang semakin tinggi. Kementerian akan menggerakkan semula **Jawatankuasa Kerja Pembangunan Fizikal Dan Ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan (JKPFEWPL)** di bawah YB Menteri Wilayah Persekutuan bagi menangani isu-isu dan masalah semasa berkaitan pembangunan fizikal dan ekonomi termasuklah perkara-perkara yang melibatkan kenaikan kos sara hidup di WP Labuan.

Untuk menangani isu ini secara berterusan, kementerian telah mewujudkan **Unit Kemiskinan** di peringkat kementerian serta agensi-agensi di bawahnya termasuklah Perbadanan Labuan.

Kementerian menerusi Perbadanan Labuan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Wilayah Persekutuan Labuan juga telah mengambil tindakan kehadapan dengan menubuhkan **task force** bagi persediaan bekalan barang keperluan menjelang musim perayaan dengan sokongan agensi-agensi kerajaan serta pemborong/kedai terpilih bagi menghadapi musim perayaan yang akan tiba.

Bagi menangani masalah miskin bandar ekoran kenaikan kos sara hidup yang semakin tinggi di Wilayah Persekutuan Labuan, kementerian juga telah menggariskan tiga (3) program strategik bagi golongan yang produktif seperti berikut:

- A. Padanan Pekerjaan;
- B. Usahawan dari rumah; dan

NO SOALAN: 8

C. Usahawan luar rumah.

Adalah diharapkan agar segala usaha yang dirancang dan dilaksanakan dapat membantu menangani masalah kemiskinan di Wilayah Persekutuan Labuan terutamanya miskin bandar ekoran kenaikan kos sara hidup yang semakin tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN
BIN YAHAYA**

TARIKH : 29 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bercadang untuk memberi pengecualian sewa untuk beberapa bulan atau diskaun bayaran sewa kepada penghuni Program Perumahan Rakyat (PPR) yang sebanyak 37,582 unit yang kini disewakan dengan kadar RM94 dan RM124 sebulan, sebagai usaha membantu golongan B40 ini bagi tahun 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak mempunyai sebarang perancangan untuk memberikan inisiatif pengecualian sewa kepada para penyewa di PA/PPR pada tahun 2022. Pengecualian sewa sebanyak 100% telah diberikan pada tahun 2020 dan 50% pada tahun 2021 dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN). Oleh itu, dalam keadaan semua sektor ekonomi telah dibuka yang membolehkan rakyat bekerja semula maka inisiatif tersebut tidak dilanjutkan. Kadar sewa rumah juga adalah pada kadar yang amat rendah digunakan oleh DBKL untuk tujuan pengurusan dan penyelenggaraan PA/PPR tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN
BIN YAHAYA**
TARIKH : 30 MAC 2022 (RABU)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah insentif-insentif terbaru yang ditawarkan oleh DBKL untuk menarik minat pelabur-pelabur tempatan dan asing ke Kuala Lumpur sepanjang tahun 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa menyokong kerajaan dalam melaksanakan insentif - insentif terbaharu untuk menarik minat pelabur - pelabur tempatan dan asing ke Kuala Lumpur sepanjang tahun 2022 seperti dalam Langkah Bajet 2022. Insentif kepada pelabur disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan kementerian – kementerian yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.